

29/10/1997

Fujitsu pindah teknologi ke Malaysia

FUJITSU Limited (Fujitsu), peneraju utama dunia dalam teknologi maklumat, telekomunikasi, semikonduktor dan alat elektronik lain, akan memindahkan teknologi utama dalam bidang telekomunikasi ke Malaysia.

Antara teknologi yang dikenal pasti untuk dipindahkan melalui program pemindahan teknologi ialah sistem kejuruteraan, teknik pemasangan dan kemahiran, reka bentuk dan pengeluaran bagi pelbagai peralatan kelengkapan telekomunikasi moden.

Presidennya, Tadashi Sekizawa, berkata pemindahan teknologi itu adalah selaras dengan hasrat Fujitsu untuk menyertai projek Koridor Raya Multimedia yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau turut membentangkan kertas kerja bertajuk "Sumbangan Asia kepada Dunia Dalam Era Teknologi Maklumat," dalam persidangan Telecom 21 Pusat Pameran Mines Beach Resort, di Balakong, Selangor, minggu lalu.

Persidangan dan pameran telekomunikasi selama empat hari mulai 23 Okt lalu dianjurkan oleh Telekom Malaysia Bhd sempena sambutan ulang tahunnya yang ke-10.

Di Malaysia, sehingga kini Fujitsu telah melabur melebihi RM322 juta dan membentuk lapan anak syarikat atau syarikat gabungan dan satu pejabat serantau. Ia mempunyai lebih 3,000 pekerja tempatan.

Rakan kongsi utama Fujitsu di Malaysia bagi perniagaan sistem penyiarannya adalah APEX Communication Group. Fujitsu telah menandatangani perjanjian dengan APEX untuk memulakan pengeluaran sistem penyiaran di kilang barunya di Subang.

Diasaskan pada 1935, kumpulan Fujitsu meliputi 400 syarikat teknologi, perisian dan perkhidmatan, mencatatkan pendapatan global lebih daripada RM118.8 bilion (kira-kira AS\$36 bilion) bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac lalu.

(END)